

24 Mac 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Tahunan 1 MSPO Bagi FGV Refineries Sdn Bhd (Sahabat Oil Products)

FGV Refineries Sdn Bhd telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian tahunan 1 Malaysian Sustainable Palm Oil untuk **FGV Refineries Sdn Bhd (Sahabat Oil Products)**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas **1 kilang** yang diuruskan oleh **FGV Refineries Sdn Bhd (Sahabat Oil Products)**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian tahunan 1 bagi **FGV Refineries Sdn Bhd (Sahabat Oil Products)** pada **28.04.2025**. Penilaian akan diadakan menurut MS 2530-4-2:2022 General Principles for Palm Oil Processing Facilities. Salinan Standard MS 2530-4-2:2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jenis pemprosesan	Rujukan GPS
FGV Refineries Sdn Bhd (Sahabat Oil Products)	Peti Surat 150, Bandar Wilayah Sahabat, 91150 Lahad Datu, Sabah	Penapisan minyak sawit mentah : <ul style="list-style-type: none">• <i>Refined Bleached Deodorized Palm Oil (RBDPO)</i>• <i>Palm Fatty Acid Distillate (PFAD)</i>• <i>Olein and Sterin</i>	5.0743830761024 48, 119.07167159354 167

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>.

Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian tahunan 1 di *FGV Refineries Sdn Bhd (Sahabat Oil Products)* terdiri daripada:

- i) Encik Azmi Bin Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) Encik Asnawi Nazran Bin Mohd Zaili sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) Encik Kamal Arifin Bin Mat Piah sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 28.04.2025
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Lokasi : Peti Surat 150, Bandar Wilayah Sahabat, 91150 Lahad Datu, Sabah

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirимkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Atika Binti Bakar
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.